

Majlis Mesra Alumni UPM 2024 perkasa penglibatan alumni

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



SERDANG, 8 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Pusat Perhubungan Alumni (ARCUPM) telah menganjurkan Majlis Mesra Alumni 2024 sebagai usaha untuk terus memperkasa hubungan strategik antara alumni UPM, di sini, semalam.



Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Siti Aqlima Ahmad berkata majlis yang dihadiri oleh 200 orang alumni UPM dan rakan strategik ARCUPM, menjadi platform interaktif bagi membolehkan alumni terlibat secara aktif dalam menyumbangkan idea dan tenaga untuk meningkatkan kecemerlangan UPM dan pelajarnya.

"Tema kita pada tahun 2024 ialah Alumni UPM Berilmu Berbakti dan bagi menzahirkan matlamat ini penglibatan daripada para alumni UPM sangat diperlukan. Saya amat berbesar hati melihat sambutan dan komitmen yang telah diberikan oleh kesemua alumni yang hadir pada hari ini.

"Majlis ini juga secara tidak langsung membina hubungan alumni UPM yang lebih kukuh, berterusan, dan memberi kesan positif kepada perkembangan dan kecemerlangan universiti kebanggaan kita," katanya.



Tambahnya lagi, penglibatan alumni juga dapat memberi sumbangan semula kepada alma mater menerusi pelbagai bentuk dan saluran.

Turut hadir, Presiden Persatuan Alumni UPM, Dato' Raihan Sharif, yang turut menzahirkan komitmen untuk terus membantu memajukan UPM melalui hubungan yang telah terjalin sejak dahulu lagi.-UPM